



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-31**

**Laporan Kawalan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan  
Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2016**

**TUJUAN**

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Ke-31 Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan kawalan pelan pemulihan risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016.

**PEMULIHAN RISIKO**

2. Pemulihan risiko mengandungi pemilihan kawalan yang diluluskan oleh Pihak Pengurusan UPM berdasarkan cadangan kawalan keputusan penilaian risiko seperti berikut:

<b>Cadangan</b>	<b>Keterangan</b>
MENGURANGKAN	Keputusan ini ditentukan sekiranya implikasi terhadap risiko adalah kritikal samada HIGH atau MEDIUM. Pengurangan risiko dapat dilaksanakan melalui penambahbaikan dari segi operasi, prosedur, fizikal, individu atau teknikal.
MEMINDAHKAN	Keputusan ini ditentukan sekiranya implikasi terhadap risiko tersebut boleh dipindahkan dengan mewujudkan perjanjian (SLA) antara kedua pihak.
MENERIMA	Keputusan ini ditentukan jika implikasi terhadap risiko adalah LOW.
MENGELAKKAN	Keputusan ini ditentukan kerana tiada kawalan yang dapat ditentukan samada untuk mengurangkan atau memindahkan risiko kepada pihak ketiga.

Perincian laporan tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi tahun 2016 adalah seperti pada **Lampiran 1**.

### **SYOR**

3. Ahli mesyuarat diminta meneliti dan mengambil maklum laporan pelaksanaan kawalan di pelan pemulihan risiko keselamatan maklumat tahun 2016 bagi memastikan pendekatan yang digunakan dapat menyediakan perlindungan dan kawalan keberkesanan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.

**LAPORAN PELAKSANAAN KAWALAN DI PELAN PEMULIHAN RISIKO KESELAMATAN MAKLUMAT**

Bil	Perkara	Tindakan kawalan	Tahap risiko		Pelan pemulihan risiko
			Sebelum	Selepas	
1.	<p>Bangunan yang menempatkan Pusat Data Utama di Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) Beta dijangka akan menjadi ancaman kepada kesinambungan perkhidmatan Pusat Data/ICT, berdasarkan risiko berikut:</p> <p>(a) Usia bangunan melebihi 50 tahun serta tidak pernah melalui proses pemeriksaan layak diduduki.</p> <p>(b) Kedudukan Pusat Data di aras bawah (G floor) adalah berisiko tinggi (banjir) serta tidak mematuhi garis panduan pembangunan Pusat Data oleh pihak <i>Uptime Institute</i> (keperluan: aras satu).</p> <p><b>(Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi &amp; Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan &amp; Pejabat</b></p>	<p>(a) Melaksanakan pemeriksaan bangunan selamat diduduki oleh Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA).</p> <p>(b) Memastikan persekitaran bangunan tersebut tidak berisiko untuk mengalami banjir dengan melaksanakan mitigasi (<i>mitigation</i>) mengelak banjir di kawasan persekitaran Pusat Data oleh pihak PPPA.</p>	High	Medium	<p>Pusat Data akan beroperasi di lokasi sediaada (Bangunan iDEC BETA) dengan melaksanakan kawalan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>pemeriksaan bangunan selamat diduduki telah dilaksanakan oleh Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada 18 Ogos 2016.</li> <li>mitigasi (<i>mitigation</i>) untuk mengelak banjir di kawasan persekitaran Pusat Data telah dilaksanakan oleh pihak Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset dan laporan telah dikeluarkan pada Ogos 2016.</li> </ul> <p>**Cadangan pembangunan Pusat Data baharu ditangguhkan dan akan</p>

Bil	Perkara	Tindakan kawalan	Tahap risiko		Pelan pemulihan risiko
			Sebelum	Selepas	
	<b>Pembangunan dan Pengurusan Aset)</b>				dilaksanakan apabila pihak Universiti mempunyai peruntukan kewangan.
2.	Pembayaran yuran pendaftaran secara tunai (30%) adalah terdedah kepada risiko.  <b>(Pejabat Bursar)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengeluarkan surat kuasa kepada setiap pegawai yang membuat kutipan di setiap zon.</li> <li>2. Mengambil insuran bagi <i>cash in transit</i> dan pegawai yang membawa tunai dalam proses transit.</li> </ol>	High	High	Sifar bayaran yuran pendaftaran secara tunai melalui kaedah pembayaran secara <i>online</i> melalui kemudahan "Jom PAY".